

## THE PRACTICES OF WEAK (DAIF) HADITHS IN PRODUCTION OF ISLAMIC LAW FROM THE PERSPECTIVES OF HADITH STUDIES AND FATWA LEGISLATORS IN MALAYSIA

### PENGAMALAN HADIS DAIF DALAM PENGELUARAN HUKUM SYARAK MENURUT PERSPEKTIF ILMU HADIS DAN PENGGUBAL FATWA DI MALAYSIA

Fathullah Al Haq Muhamad Asni<sup>i</sup>

<sup>i</sup> Calon PhD, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. [fathasni90@gmail.com](mailto:fathasni90@gmail.com)

<p><b>Abstract</b></p>	<p><i>Hadith of the Prophet Muhammad appeared more than 1400 years ago and derived from divine revelation (wahyu). Its authenticity is closely guarded by scholars using various methods including by organising of hadith dirayah knowledge to screen whether it is an authentic, daif or false hadith. Hadith is very authoritative argument in Islamic in addition to the Quran. It is the most important resource in the fatwa issuance process. However, its use is disputed by scholars where there are scholars who do not allow the use of the current daif hadith and there is also the opposite opinion. It also gets the same disputes among the legislators of the Syariah rulings (law) in Malaysia i.e the mufti. Hence, this study aims to determine the extent of permissible use of daif Hadith in the production of Islamic law and its practices among muftis in Malaysia. This research was conducted qualitatively by referring to the debate on the books of hadith, interviews and related papers. The results showed that the opinion does not justify the practice of daif hadith in the fatwa was rajih. The study also found that there were some mufti departments who use daif hadith in the production of the Syariah law process. Thus, the study suggested that the mufti uses sahih hadith while determining Syariah hukum in order to avoid negative implications of such weak fatwa finding which could lead to unsynchronized fatwa between mufti departments.</i></p> <p><i>Keywords: Hadith, daif, fatwa, mufti, Malaysia.</i></p>
<p><b>Abstrak</b></p>	<p><i>Hadis Nabi SAW muncul lebih daripada 1400 tahun yang lalu dan ia adalah bersumber daripada wahyu. Kesahihannya dijaga dengan teliti oleh para ulama dengan menggunakan pelbagai metode antaranya dengan menyusun ilmu dirayah hadis bagi menyaring sesuatu hadis sama ada ia sahih, daif ataupun palsu. Hadis adalah dalil yang amat berautoriti dalam Syarak selain al-Quran. Ia adalah sumber terpenting dalam proses pengeluaran fatwa. Walau bagaimanapun, penggunaannya diperselisihkan oleh para ulama iaitu terdapat para ulama yang tidak membenarkan penggunaan hadis daif semasa berhukum dan terdapat juga pendapat di sebaliknya. Hal ini juga mendapat perselisihan yang sama di kalangan penggubal hukum di Malaysia iaitu mufti. Justeru, kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh mana dibolehkan penggunaan hadis daif dalam pengeluaran hukum Syarak serta pengamalannya di kalangan mufti di Malaysia. Penyelidikan ini dilakukan secara kualitatif dengan merujuk kepada perbincangan kitab-kitab hadith, temubual dan pekeliling yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendapat yang tidak membenarkan pengamalan hadis daif dalam fatwa adalah rajih. Kajian juga mendapati terdapat beberapa Jabatan Mufti mengamalkan hadis daif dalam</i></p>

<p><i>proses pengeluaran hukum. Justeru, kajian mencadangkan agar para mufti menggunakan hadis sahih ketika berhukum agar dapat mengelakkan implikasi yang negatif seperti dapatan fatwa yang lemah dan boleh membawa ketidak seragaman fatwa antara Jabatan-Jabatan Mufti.</i></p>
---

*Kata kunci: Hadis, daif, fatwa, mufti, Malaysia.*

## PENDAHULUAN

Fatwa adalah suatu ijtihad terhadap hukum-hakam semasa. Ia menjadi metode penyelesaian masalah yang dihadapi oleh umat Islam berdasarkan hukum Syarak. Pada zaman Nabi SAW, umat Islam merujuk kepada Baginda SAW untuk mendapatkan fatwa hukum. Setelah baginda wafat, umat Islam merujuk kepada para sahabat yang mahir dalam hukum Syarak. Tradisi tersebut terus berlaku sampai ke hari ini sehingga tertubuhnya institusi rasmi yang khusus mengelolakan hal ehwal fatwa. Individu yang dirujuk dalam menjelaskan fatwa digelar sebagai mufti. Mufti mempunyai kedudukan yang tinggi dalam masyarakat kerana keilmuannya dalam berijtihad mengenai hukum Syarak (Rahimin Affandi Abdul et al, 2009).

Dalam ilmu ijtihad, para ulama menyatakan bahawa sumber utama selain al-Quran ketika berfatwa atau berijtihad ialah ilmu hadis. Menurut al-Ghazali, syarat untuk menjadi mufti adalah dengan menguasai ilmu hadis kerana ia adalah salah satu daripada sumber Syarak (al-Ghazali, 1997). Ilmu hadis ini termasuklah mengetahui ilmu dirayah hadis iaitu mengetahui status periwayat, memisahkan hadis yang sahih daripada hadis yang rosak, hadis yang boleh diterima daripada hadis yang ditolak dan hadis yang boleh dijadikan hujah atau tidak (al-Qaradawi, 1996; Zaidan, 2009; al-Zuhaili, 2005). Demikian juga perlu mengetahui hadis yang nasikh dan mansukh, serta ilmu sebab kedatangan (wurud) hadis iaitu apa yang membawa kepada kewujudan hadis pada hari-hari kemunculannya (al-Qaradawi, 1996; Asri, 2006).

Pengetahuan ini amat penting kerana fatwa akan menatijahkan penerapan hukum-hakam ke atas umat Islam, maka sandaran kepada keputusan tersebut hendaklah kuat dan yakin. Walau bagaimanapun terdapat konflik kerana terdapat para ulama yang membenarkan pengamalan hadis daif dalam pengeluaran fatwa. Justeru, kertas ini akan mengkaji sejauh mana kebenaran mengenai dakwaan tersebut.

## HADIS MAQBUL DAN MARDUD (DAIF)

Kekuatan sesebuah hadis adalah bergantung kepada sanad. Sanad ialah salasilah periwayat bagi sesebuah hadis bermula daripada pengumpul hadis sehinggalah kepada Rasulullah SAW. Para ulama Islam sejak zaman salaf telah menegaskan kepentingan sanad dalam ilmu-ilmu Islam khususnya ilmu hadis seperti Sufyan al-Thawri, Sufyan bin °Uyaynah, al-Zuhri, Ibn al-Mubarak dan Yazid bin Zurai' (al-Athir, 1389H; Muslim, 2006; °Adil Mursyid, 2000). Sanad berfungsi bagi membezakan antara hadis sahih dan selainnya. Kesannya, ulama telah membahagikan hadis kepada dua bahagian iaitu *maqbul* (diterima) dan *mardud* (ditolak).

Hadis maqbul ialah hadis yang memenuhi syarat-syarat penerimaan tanpa ada satu syarat pun yang gugur iaitu bersambung sanad, keadilan para perawi, ketepatan para perawi, tiada *shadh* dan °*illah* (al-Qari, 1327H; al-Salah, 1386H). Hadis sahih terbahagi kepada dua iaitu hadis sahih *li dhatihi* dan hadis sahih *li ghayrihi*. Selain itu, hadis hasan adalah hadis yang diterima. Hadis hasan terbahagi kepada dua iaitu hadis hasan *li dhatihi* dan hadis hasan *li ghayrihi*. Hadis hasan memenuhi kesemua syarat hadis sahih, cuma berbeza sedikit dari segi ketepatan perawi hadis di mana hadis hasan kurang sedikit ketepatan perawinya (dabit) (al-Qari, 1327H; al-Suyuti, t.th). Para ulama bersepakat (ijmak) bahawa hadis sahih dan hasan adalah hujah dan wajib beramal dengannya sama ada hadis mutawatir atau ahad (al-Khudayr, 1425H).

Manakala hadis *mardud* terjadi kerana gugur salah satu syarat atau beberapa syarat daripada syarat-syarat hadis sahih seperti tidak bersambung sanad, kecacatan dalam hadis atau lain-lain (al-Salah, 1386H). Secara umumnya, hadis menjadi lemah

disebabkan dua faktor utama iaitu gugur perawi daripada sanad dan berlaku kecaman pada perawi (al-Tahhan, 2004). Maksud gugur perawi ialah terputus rangkaian perawi dengan sebab gugur seorang perawi daripada sanad sama ada secara sengaja atau pun tidak. Ia berlaku pada sebahagian perawi sama ada daripada awal sanad, pertengahan ataupun akhir dan pengguguran ini boleh berlaku secara jelas atau tersembunyi (al-Khudayr, 1425H).

Gugur berlaku kerana perawi tidak bertemu dengan perawi sebelumnya sama ada kerana perawi tidak sezaman dengannya atau sezaman tetapi tidak sempat bertemu (al-Qari, 1327H). Gugur sanad yang jelas terbahagi kepada empat kategori iaitu *al-mu'allaq*, *al-mursal*, *al-mu'dal* dan *al-munqatf*. Secara umumnya konsep *al-mu'allaq* ialah keseluruhan sanad dibuang kemudian dikatakan Rasulullah SAW bersabda atau keseluruhan sanad dibuang kecuali sahabat atau sahabat dan tabi'in (al-Salah, 1386H). Konsep *al-mursal* pula ialah hadis yang gugur daripada penghubung sanad perawi selepas tabi'in (al-Naisaburi, 1385H). Konsep *al-mu'dal* ialah hadis yang gugur pada sanad dua orang perawi berturut-turut (al-Qari, 1327H; al-Salah, 1386H).

Konsep *al-munqatf* ialah hadis yang sanadnya tidak bersambung daripada mana sudut sekalipun (al-Baghdadi, t.th). Manakala bagi gugur yang tersembunyi ialah terdapat dua kategori iaitu *al-mudallas* dan *al-mursal al-khafiyy*. Umumnya, konsep *tadlis* ialah menyembunyikan keaiban dalam sanad dengan memperelokkan zahirnya (al-Tahhan, 2004). Konsep *al-mursal al-khafiyy* ialah hadis yang diriwayatkan daripada perawi yang ditemuinya atau sezaman dengannya dengan menggunakan lafaz seolah-olah ia mendengar daripada perawi tersebut seperti 'telah berkata' (al-'Iraqi, 1354H).

Manakala maksud terdapat kritikan pada perawi ialah terdapat kritikan daripada sudut keadilan, agama atau daripada sudut ingatan. Terdapat sepuluh kritikan terhadap perawi, lima daripadanya berkait dengan keadilan, manakala lima lagi berkait dengan ketepatan (*dabit*). Kritikan berhubung keadilan ialah berdusta, dituduh berdusta, fasik, bidaah dan tidak diketahui (*jahal*). Manakala kritikan berhubung ketepatan ialah silap dalam meriwayatkan hadis, buruk hafalan, kelalaian, berlaku kekeliruan dan percanggahan dengan perawi lain (al-Tahhan, 2004).

Tahap kedaifan hadis adalah berbeza-beza mengikut berat atau ringannya sifat-sifat daif ke atas seseorang perawi. Menurut Ibn Salah, daif yang ringan ialah buruk hafalan, *ikhtilat* (*ikhtilat* berlaku kerana tua, hilang penglihatan atau penulisannya terbakar), *munqatf*, *mursal*, *tadlis*, *mu'dal*, *shadh*, *wahm*, cacat, *mu'dtarib*. Manakala sifat hadis daif yang berat ialah *munkar*, *matruk*, *matruh* dan *mawdu'* (al-Salah, 1386).

## **ANALISIS RUJUKAN HADIS DAIF DALAM FATWA MENURUT PANDANGAN PARA ULAMA DAN PENGGUBAL FATWA DI MALAYSIA**

Oleh kerana hadis daif termasuk dalam kategori mardud. Para ulama telah berbeza pendapat terhadap penghujahannya kepada tiga pendapat. Pendapat pertama mengatakan bahawa boleh berhujah dengan hadis daif yang tidak terlalu berat dalam semua urusan seperti halal dan haram, kelebihan, dorongan (*targhib*) dan ancaman (*tarhib*). Bagi daif yang berat, para ulama sepakat menolaknya. Selain itu, hadis daif ini tidak berlawanan dengan hadis sahih atau daripada al-Quran. Ini kerana, hadis daif adalah lebih kuat hujahannya daripada pandangan akal manusia. Pendapat ini terdiri daripada Abu Hanifah, Malik, al-Shafi'i, dan Ahmad (al-Sakhawi, t.th; al-Jawziyyah, 1973; al-Shafi'i, 1354H).

Sementara di kalangan penggubal fatwa ia disokong oleh Jabatan Mufti Kelantan (Mohamad Shukri Mohamad, 2016), Wilayah Persekutuan (Abdul Jamil Jaafar, 2015) dan Terengganu (Zulkifly Muda, 2016). Misalnya, dalam isu fatwa bagi ahli waris, fatwa Jabatan Mufti Terengganu pada tahun 1987 (Zulkifly Muda, 2016), Kelantan pada tahun 1989 (Mohamad Shukri Mohamad, 2016) dan Wilayah persekutuan (Abdul Jamil Jaafar, 2015) memutuskan bahawa wasiat kepada waris yang telah menerima harta pusaka adalah tidak sah melainkan dengan persetujuan

waris-waris yang berhak menerima pusaka itu. Antara hujah yang mereka sandarkan ialah berdasarkan kepada dua hadis Nabi S.A.W iaitu yang pertama ialah:

حَدَّثَنَا أَبُو سَعِيدٍ أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ أَبِي عُثْمَانَ الْعَازِي حَدَّثَنَا طَاهِرُ بْنُ يَحْيَى بْنِ قَبِيصَةَ حَدَّثَنَا سَهْلُ بْنُ عَمَّارٍ حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ الْوَلِيدِ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ عَنْ حَبِيبِ بْنِ الشَّهِيدِ عَنْ عَمْرٍو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ فِي حُطْبَتِهِ يَوْمَ النَّحْرِ لَا وَصِيَّةَ لِرِثٍ إِلَّا أَنْ يُجِيزَ الْوَرَثَةَ

Maksudnya, "Menghabarkan kepada kami oleh Abu Sa'id Ahmad bin Muhammad bin Abi Uthman al-Ghazi, menghabarkan kepada kami Tahir bin Yahya bin Qabisah, menghabarkan kepada kami Sahl bin Ammar, menghabarkan kepada kami al-Husayn bin al-Walid, menghabarkan kepada kami Hammad bin Salamah daripada Habib bin al-Syahid bin Amru bin Shu'ayb daripada bapanya daripada datuknya daripada Nabi SAW bahawa baginda bersabda dalam khutbahnya pada hari penyembelihan, "tiada wasiat bagi waris melainkan mendapat keizinan daripada para waris" (Hadis. al-Daruqutni. No. 4154)

Status hadis ini adalah daif kerana sanadnya lemah sebagaimana yang dikatakan oleh al-Shawkani (1405H) dan al-Ruba'i (1427H). Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (t.th), terdapat Sahl bin Ammar yang dikatakan sebagai seorang yang lemah.

Manakala hadis yang kedua iaitu:

أَخْبَرَنَا أَبُو بَكْرِ الْأَصْبَهَانِيُّ، أَنَا عَلِيُّ بْنُ عُمَرَ الْحَافِظُ، ثنا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الصَّمَدِ بْنِ الْمُهْتَدِيِّ بِاللَّهِ، ثنا أَبُو عَلَانَةَ مُحَمَّدُ بْنُ عَمْرٍو بْنِ خَالِدٍ، ثنا أَبِي، ثنا يُونُسُ بْنُ رَاشِدٍ، عَنْ عَطَاءِ الْحَرَّاسَانِيِّ، عَنْ عِكْرَمَةَ، عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تَجُوزُ وَصِيَّةٌ لِرِثٍ، إِلَّا أَنْ يَشَاءَ الْوَرَثَةُ"

Maksudnya, "Menghabarkan kepada kami oleh Abu Bakr al-Asbahani, menghabarkan kepada kami Ali bin Umar al-Hafiz, menghabarkan kepada kami Abu Abdillah Ubaidullah bin Abdullah bin Abd al-Samad bin al-Muhtadi billah, menghabarkan kepada kami Abu Ulathah Muhammad bin Amru bin Khalid, menghabarkan kepada kami oleh bapa aku, menghabarkan kepada kami Yunus bin Rasyid, daripada Ata' al-Khurasani, daripada Ikrimah, daripada Ibn Abbas, beliau berkata, "Nabi SAW bersabda, "tidak boleh memberi wasiat kepada waris melainkan para waris berkehendakkan begitu" (Hadis. al-Daruqutni. No. 4155).

Sanad hadis ini adalah lemah menurut Ibn Abd al-Barr (1993), Abu Dawud (1986), al-Bayhaqi (1413H), Ibn al-Qattan (1418H), al-Munawi (1425H), al-Asqalani (1419H), al-Albani (1985) dan Ibn al-Mulqin (1425H). Menurut Ibnu Hazm (t.th), wasiat yang diikat dengan lafaz "melainkan mendapat keizinan daripada ahli waris" adalah merupakan hadis yang berstatus mursal. Sementara menurut al-Albani (1985), hadis ini adalah munkar kerana bercanggah dengan sanad yang lain yang lebih sahih di mana lafaz "melainkan mendapat keizinan daripada ahli waris" adalah merupakan lafaz yang ditambah. Justeru, tidak boleh berhujah dengannya untuk mensyaratkan wasiat hendaklah dengan izin para waris.

Oleh itu, pendapat pertama ini lemah kerana ia hanya didakwa sebagai pandangan para imam yang empat, namun pendirian tersebut bukanlah sebenar (al-Syatibi, t.th). Manakala dakwaan Hanbali yang menyatakan bahawa hadis daif didahulukan berbanding qiyas, ia adalah silap kerana maksud Hanbali adalah hadis hasan kerana pada zaman tersebut hanya ada istilah hadis sahih dan daif sahaja (al-Hanbali, 1379H). Hadis hasan muncul zaman kemudian yang dipelopori oleh al-Tirmizi

(Ibn Taymiyyah, 1321H; al-Jawziyyah, 1973). Hujahan Ahmad bin Muhammad al-Siddiq yang mengatakan bahawa para imam berhujah dengan hadis daif adalah tidak tepat kerana rujukan sebahagian ulama dahulu kepada hadis daif mungkin ada sebab-sebab tertentu seperti tersilap menilai perawi (al-Maghribi, 1352H; al-Khudayr, 1425H). Ini sebagaimana yang berlaku kepada al-Shafi'i dalam kitabnya al-Risalah di mana beliau berhujah dengan hadis yang bermaksud, "Awal waktu adalah keredaan Allah dan akhirnya adalah kemaafan Allah" (al-Shafi'i, 1358H)." Namun hadis ini disaring oleh al-Nawawi (t.th) dan mengatakan sanad hadis tersebut adalah.

Pendapat yang kedua mengatakan bahawa hadis daif tidak boleh digunakan dalam urusan hukum hakam tetapi boleh berhujah dalam urusan kelebihan, dorongan (*targhib*) dan ancaman (*tarhib*). Golongan ini berhujah bahawa perkara-perkara kelebihan, galakan kepada kebaikan dan tegahan daripada keburukan boleh berdasarkan nas yang tidak pasti iaitu sabda Nabi SAW yang bermaksud, "*Sesiapa yang sampai kepadanya pahala amalan daripada aku, maka amalkanlah agar beroleh kebaikan tersebut walaupun aku tidak pernah menyebutnya*" (al-Barr, t.th).

Bagaimanapun pandangan ini lemah kerana hadis yang dirujuk adalah berstatus *mawdu'* (al-Albani, 1992). Pendapat ini terdiri daripada majoriti ulama iaitu Sufyan al-Thawri, Abdullah bin Mubarak, °Abd al-Rahman bin Mahdi, Sufyan bin °Uyaynah, Abu Zakariyya al-Anbari, Abu °Umar Abd al-Barr, Ibn Qudamah dan al-Nawawi (al-Baghdadi, t.th; al-Hanbali, t.th; al-Razi, 1371H; al-Qasimi, 1380H; al-Barr, t.th; Ibn Qudamah, 1405H; al-Nawawi, t.th).

Daripada sisi lain, pendapat ini ditolak kerana sunat (*istihbab*) termasuk dalam lingkungan hukum syarak yang mesti disabitkan dengan dalil yang kuat. Bagaimanapun, al-Nawawi (t.th) dan Mulla Ali al-Qari (1391H) mendakwa sebaliknya bahawa para ulama telah bersepakat mengenai penerimaan hadis daif dalam urusan kelebihan amal. Hujah wujudnya ijmak ini disangkal kerana terdapat ulama yang tidak sependapat seperti Ibn al-°Arabi yang mengatakan bahawa tidak boleh berhujah dengan hadis daif secara mutlak (al-Sharkhiti, 1374H). Kajian mendapati al-Nawawi bermudah-mudah dalam mendakwa ijmak, di mana terdapat perkara yang didakwa ijmak oleh beliau, namun sebenarnya adalah khilaf seperti dalam urusan mengangkat kedua tangan dalam solat (al-Nawawi, t.th; al-Nawawi, 1929).

Selain itu, syarat yang dikenakan oleh kumpulan yang kedua dalam penerimaan hadis daif sebagai sumber dalam kelebihan amal adalah sukar untuk dipraktikkan, misalnya syarat bahawa hadis daif tersebut tidak terlalu daif yang menunjukkan bahawa wajib mengetahui hal keadaan daif sesuatu hadis jika ingin mengamalkannya. Hal ini supaya tidak terjebak dalam mengamalkan hadis yang terlalu daif (al-Albani, 1988). Syarat yang kedua yang mengatakan hendaklah hadis daif itu terhasil daripada hukum asal yang sedia ada menjadikan hadis daif tidak mempunyai apa-apa nilai kerana asal hukumnya mestilah berdasarkan al-Quran dan hadis yang sahih.

Justeru, tiada makna merujuk kepada hadis daif di sini kerana ia bermaksud merujuk nas syarak yang lain (al-Maliki, 2010). Malah Ibn Hajar (1971) meletakkan syarat agar tidak menyebarkan hadis tersebut kerana tidak mahu umat Islam beramal dengan hadis daif lalu menganggapnya sebagai syariat atau sebahagian pihak yang jahil menganggapnya sebagai hadis yang sahih. Justeru, berdasarkan kepada penerangan ini, maka amat sukar untuk mengamalkan pendapat yang kedua berdasarkan kepada syarat-syarat yang dilampirkan.

Manakala pendapat ketiga mengatakan bahawa tidak boleh berhujah dengan hadis daif secara mutlak sama ada dalam urusan hukum hakam, kelebihan, dorongan (*targhib*) dan ancaman (*tarhib*). Golongan ini beralasan bahawa hadis daif membawa hujahan yang hanya bersifat sangkaan (*zann*) dan ia ditolak. Sedangkan Allah SWT telah menolak sangkaan (*zann*) sebagaimana firmanNya yang bermaksud, "*Dan kebanyakan mereka, tidak menurut melainkan sesuatu sangkaan sahaja, (padahal) sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu dari kebenaran*" (al-Quran. Yunus: 36). Firman Allah SWT yang lain bermaksud,

“tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata” (al-Quran. Al-Najm: 28), serta sabda Nabi SAW yang bermaksud, “berhati-hatilah kamu daripada keraguan kerana keraguan adalah sebesar-besar penipuan dalam percakapan” (Hadis. al-Bukhari, no. 5143).

Pendapat ini terdiri daripada Yahya bin Ma<sup>c</sup>in, al-Bukhari, Muslim, al-Naysaburi, Abu Zur<sup>c</sup>ah, Abu Hatim al-Razi, Ibn Hibban, Ibn Hazm, al-Qadi Abu Bakr Ibn al-<sup>c</sup>Arabi, Ibn Taymiyyah (al-Ya<sup>c</sup>mura, t.th; al-Qasimi, 1380H; al-Baghdadi, t.th; al-Khudayr, 1425H; al-Basti, 1396H; Ibn Hazm, t.th; al-Maliki, 1387H; Ibn Taymiyyah, 1999). Sementara di kalangan penggubal fatwa ia disokong oleh Perak (Kamaruddin Adam, 2015), Pulau Pinang (Wan Salim Wan Mohd, 2015), Perlis (Huda Johari 2017) dan Selangor (Mat Jais Kamos, 2015).

Pendapat ketiga ini didapati lebih tepat (rajih) kerana para ulama hadis bersepakat bahawa hadis daif termasuk dalam kategori hadis *mardud* atas alasan ia dalil yang *zann* iaitu tidak pasti. Justeru apa-apa yang bersifat sangkaan tidak mendatangkan kebenaran. Namun kritikan ini bukanlah bermaksud bahawa hadis-hadis daif itu akan ditolak secara total. Ia hanya ditolak dalam hal penghujahan sahaja, tetapi hadis daif boleh menjadi sandaran untuk menguatkan salah satu makna yang tidak pasti misalnya adalah seperti firman Allah SWT,

فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا

Maksudnya, “Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman” (al-Quran. al-Nisa’ : 3).

Lafaz *ta<sup>c</sup>ulu* dalam lafaz tersebut boleh diandaikan dengan dua makna iaitu sama ada tidak memperbanyakkan keluarga kamu atau tidak berlaku zalim. Dalam mentafsirkannya, Ibn al-Qayyim mengharuskan merujuk hadis daif riwayat <sup>c</sup>Aishah yang bermaksud, “Sabda Nabi mengenai maksud firman Allah SWT yang bermaksud, “Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman”. Dalam riwayat yang lain menyebut “agar kamu tidak berat sebelah” (Ibn Kathir, 1422H). Pandangan ini diterima oleh pihak yang ketiga (al-Jawziyyah, 1391H).

Justeru, kajian mencadangkan agar Jabatan Mufti Negeri Kelantan, Wilayah Persekutuan dan Terengganu menggunapakai hadis-hadis yang sahih dalam pengeluaran fatwa sebagaimana yang dicadangkan oleh pendapat yang rajih setelah dianalisa. Ini kerana, pengamalan hadis sahih dalam berfatwa membawa implikasi yang positif iaitu seperti keputusan fatwa yang kukuh, menepati Syarak dan membawa kepada kesatuan fatwa antara Jabatan Mufti Negeri-Negeri.

## PENUTUP

Hujahan hadis sahih amat penting dalam fatwa, kerana ia adalah parameter penting dalam menentukan kualiti suatu fatwa. Kurang mengambil perhatian mengenai masalah ini boleh menyebabkan kesilapan mufti dalam berhujah dengan hadis-hadis yang daif. Ini akan menyebabkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan rapuh, tidak kukuh dan lemah, malah boleh menyebabkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan boleh mengelirukan ramai masyarakat awam.

Justeru, penyelesaian dalam masalah ini adalah pihak-pihak yang bertanggungjawab hendaklah melakukan kajian yang serius untuk mengenal pasti hadis-hadis yang sahih untuk dijadikan hujah supaya fatwa yang dikeluarkan adalah *rajih*, kukuh dan membawa *maslahah*. Justeru, kajian ke atas sumber-sumber hukum adalah sesuatu yang penting dalam proses istinbat hukum.

## RUJUKAN

- al-<sup>o</sup>Asqalani, al-Hafiz Ibn Hajar. t.th *al-Dirayah fi Takhrij Ahadith al-Hidayah*. Beirut: Dar al-Ma<sup>o</sup>rifah.
- al-<sup>o</sup>Asqalani, al-Hafiz Ibn Hajar. 1419H. *Muwafaqah al-Khabar al-Khabar fi Takhrij Ahadith al-Mukhtasar*. al-Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- al-<sup>o</sup>Asqalani, al-Hafiz Ibn Hajar. 1971. *Tabyin al-<sup>o</sup>Ajb lamma Warada fi Fadl Rajab*. al-Qahirah: Matba<sup>o</sup>ah al-Sunah al-Muhammadiyah.
- al-<sup>o</sup>Iraqi, Zayn al-Din <sup>o</sup>Abd al-Rahim bin al-Husayn. 1354H. *Sharh Alfiyyah al-<sup>o</sup>Iraqi*. Fas: al-Matba<sup>o</sup>ah al-Jadidah.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1985. *Irwa' Al-Ghalil Fi Takhrij Ahadis Mannar Al-Sabil*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1988. *Sahih al-Jam<sup>o</sup> al-Saghir*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 1992. *Silsilah al-Ahadith al-Da<sup>o</sup>ifah*. al-Riyad: Maktabah al-Ma<sup>o</sup>arif.
- al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak. 1389H. *Jam<sup>o</sup> al-Usul fi Ahadith al-Rasul*. Dar al-Bayan.
- al-Baghdadi, al-Khatib Ahmad bin <sup>o</sup>Ali. t.th *Al-Kifayah fi <sup>o</sup>Ilm al-Riwayah*. al-Qahirah: Matba<sup>o</sup>ah al-Sa<sup>o</sup>adah.
- al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husayn. 1413H. *al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Ma<sup>o</sup>rifah.
- al-Barr, Abu <sup>o</sup>Umar Yusuf bin <sup>o</sup>Abd. t.th *Jam<sup>o</sup> Bayan al-<sup>o</sup>Ilm wa Fadlihi*. Misr: Idarah al-Tiba<sup>o</sup>ah al-Muniriyyah.
- al-Barr, Yusof bin <sup>o</sup>Abdullah bin Muhammad bin <sup>o</sup>Abd. 1993. *al-Istidhkar*. Beirut: Dar Qutaybah.
- al-Basti, Muhammad bin Hibban. 1396H. *al-Majruhin min al-Muhaddithin wa al-Du<sup>o</sup>afa' wa al-Matrukin*. Halab: Dar al-Wa<sup>o</sup>i.
- al-Bukhari, Muhammad Bin Isma<sup>o</sup>il Abu <sup>o</sup>Abdullah. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Jiddah: Dar Tawq al-Najah.
- Al-Daruqutni, <sup>o</sup>Ali Bin <sup>o</sup>Umar. 2004. *Sunan al-Daruqutni*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1997. *al-Mustasfa fi <sup>o</sup>Ilm al-Usul*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Hanbali, <sup>o</sup>Abd al-Rahman bin Rejab. t.th *Sharh <sup>o</sup>Ilal al-Tirmidhi*. Baghdad: Matba<sup>o</sup>ah al-<sup>o</sup>Ani.
- al-Hanbali, Abu <sup>o</sup>Abdullah Muhammad bin Muflih. 1379H. *al-Furu<sup>o</sup>*. al-Qahirah: Dar Misr li al-Tiba<sup>o</sup>ah.
- al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakr bin Qayyim. 1396H. *Tuhfah al-Mawdud fi Ahkam al-Mawlud*. Dimashq: Maktabah Dar al-Bayan.
- al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakr bin Qayyim. 1973. *<sup>o</sup>Ilam al-Muwaqq<sup>o</sup>in*. al-Qahirah: Matba<sup>o</sup>ah al-Madani.
- al-Khudayr, <sup>o</sup>Abd al-Karim bin <sup>o</sup>Abdullah bin <sup>o</sup>Abd al-Rahman. 1425H. *al-Hadith al-Da<sup>o</sup>if*. al-Riyad: Dar al-Minhaj.
- al-Maghribi, Ahmad bin Muhammad bin al-Siddiq. 1352H. *al-Mathnuni wa al-Battar fi Nahr al-<sup>o</sup>Anid al-Mi<sup>o</sup>thar al-Ta<sup>o</sup>in fi ma Sahha min al-Sunan wa al-Athar*. al-Qahirah: al-Matba<sup>o</sup>ah al-Islamiyyah bi al-Azhar.
- al-Maliki, <sup>o</sup>Alawi bin <sup>o</sup>Abbas. 2010. *al-Minhal al-Latif fi Ahkam al-Hadith al-Da<sup>o</sup>if*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- al-Maliki, Abu Bakr Muhammad bin <sup>o</sup>Abdullah bin al-<sup>o</sup>Arabi. 1387H. *Ahkam al-Quran*. Misr: Matba<sup>o</sup>ah <sup>o</sup>Isa al-Babi al-Halabi.
- al-Mulqin, <sup>o</sup>Umar bin <sup>o</sup>Ali. 1425H. *al-Badr al-Munir*. al-Sa<sup>o</sup>udiyyah: Dar al-Hijrah.
- al-Munawi, Muhammad bin Ibrahim. 1425H. *Kasyhal-Manahij wa al-Tanaqih fi Takhrij Ahadith al-Masabih*. Beirut: al-Dar al-<sup>o</sup>Arabiyyah li al-Mawsu<sup>o</sup>at.
- al-Naysaburi, Al-Hakim Abu <sup>o</sup>Abdullah. 1385H. *Ma<sup>o</sup>rifah <sup>o</sup>Ulum al-Hadith*. Haydar Abad: Matba<sup>o</sup>ah Dairah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Sharaf. t.th *al-Adhkar*. al-Riyad: Dar Ibn Khuzaymah.

- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Sharaf. t.th *al-Majmu'*. Jiddah: Maktabah al-Irsyad.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Sharaf yarf. 1929. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1966. *al-Ijtihad fi al-Shar'ah al-Islamiyyah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- al-Qari, °Ali. 1391H. *al-Asrar al-Marfu'ah fi al-Akhbar al-Mawdu'ah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Qari, °Ali. 1327H. *Sharh Nukhbah al-Fikr*. Istanbul: Matba'ah Akhut.
- al-Qasimi, Jamal al-Din Qawa'id. 1380H. *al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*. Beirut: Dar Ihya' al-Kutub al-°Arabiyyah.
- al-Qattan, °Ali bin Muhammad. 1418H. *al-Wahm wa al-Iham al-Waqf'in fi Kitab al-Ahkam*. al-Riyad: Dar al-Taybah.
- al-Razi, Abu Muhammad °Abd al-Rahman bin Abi Hatim. 1371H. *al-Jarh wa al-Ta'dil*. al-Hind: Matba'ah Da'irah al-Ma°arif al-°Uthmaniyyah.
- al-Ruba'î, al-Hasan bin Ahmad. 1427H. *Fath al-Ghaffar*. Dar °Alam al-Fawa'id.
- al-Sakhawi, Shams al-Din. t.th *Fath al-Mughith*. al-Qahirah: Matba'ah al-Salafiyyah.
- al-Salah, Abu °Amru Uthman. 1386H. °*Ulum al-Hadith*. Halab: Matba'ah al-Asil.
- al-Sijistani, Sulaiman bin al-Ash°ath Abu Dawud. 1986. *al-Marasil Ma°a al-Asanid*. Dimasyq: Dar al-Qalam
- al-Suyuti, Jalal al-Din. t.th. *Alfiyyah fi Mustalah al-Hadith*. Beirut: Dar al-Ma°arifah.
- al-Shabarkhiti, Ibrahim bin Mar°i. 1374H. *al-Futuh al-Wahbiyyah*. Halab: Mustafa al-Halabi.
- al-Shafi'i, Muhammad bin Idris. 1358H. *al-Risalah*. Misr: Matba'ah Mustafa.
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa. t.th *al-F'tisam*. Misr: Matba'ah Muhammad.
- al-Shawkani, Muhammad bin °Ali. 1405H. *al-Sayl al-Jarrar*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Tahhan, Mahmud. 2004. *Taysir Mustalah al-Hadith*. al-Riyad: Maktabah al-Ma°arif.
- al-Ya°mura, Abu al-Fath Muhammad bin Muhammad bin Sayyid al-Nas. t.th °*Uyun al-Athar*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al-Zuhayli, Wahbah. 2005. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad °Ali. t.th *al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*. al-Qahirah: Matba'ah Muhammad °Ali Sabih.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad °Ali. t.th *al-Muhalla*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abu al-Fida' Isma°il. 1422H. *Tafsir al-Quran al-°Azim*. al-Riyad: Dar Taybah.
- Ibn Qudamah, °Abdullah bin Ahmad. 1405H. *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din Abu al-°Abbas Ahmad bin °Abd al-Halim. 1321H. *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyyah*. al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din Abu al-°Abbas Ahmad bin °Abd al-Halim. 2005. *Majmu' al-Fatawa*. Dar al-Wafa'.
- Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din Abu al-°Abbas Ahmad bin °Abd al-Halim. 1999. *Qa°idah Jalilah fi al-Tawassul wa al-Wasilah*. al-Riyad: Riasah Idarah al-Buhuth al-°Ilmiyyah wa al-Ifta'.
- Mohd Asri bin Zainul Abidin. 2006. *Sabab Wurud al-Hadith: Dawabit wa Ma°ayir*. Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Murshid, °Adil. 2000. *al-Manhaj al-Sahih fi al-Hukmi °Ala al-Hadith al-Nabawiy al-Sharif*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Muslim, Abu Al-Husin Muslim Bin al-Hajjaj al-Qushairi Al-Naysabur. 2006. *Sahih Muslim*. al-Riyad: Dar al-Taybah.
- Rahimin Affandi Abdul, Paizah Ismail, and Nor Hayati Mohd Dahlal. 2009. *Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia: Satu Analisis*. Jurnal Syariah 17.1.
- Zaidan, °Abd al-Karim. 2009. *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Dimasyq: Mu'assasah al-Risalah al-Nashirun.

## **Tembual**

Abdul Jamil Jaafar. Pegawai Istinbat Wilayah Persekutuan. 1 November 2015.

Huda Johari. Pegawai Hal Ehwal Agama Perlis. 28 Mac 2017.

Kamaruddin Adam. Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Dan Ketua Pegawai Fatwa. 23 Disember 2015.

Mat Jais Kamos. Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. 21 Disember 2015.

Mohamad Shukri Mohamad. S. S. Dato' Mufti Negeri Kelantan. 10 Februari 2016.

Wan Salim Wan Mohd. Y.Bhg. S.S. Dato' Dr. Mufti Pulau Pinang. 30 Disember 2015.

Zulkifly Muda. Dato' Dr. Mufti Negeri Terengganu. 24 Februari 2016.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*